



JABATAN PELESENAN

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

emel : smartlesen@mbpj.gov.my

**PANDUAN PERMOHONAN
PERMIT SEMENTARA
(PENJAJA) BERMASA**

elesen.mbpj.gov.my

Apakah permit sementara bermasa?

Permit sementara bermasa dikeluarkan bagi memenuhi permintaan pengguna dan peniaga di atas keperluan membeli makan dan minuman di waktu pagi dan petang secara konsep beli dan bawa pulang di lokasi yang diluluskan oleh pihak Majlis

Syarat - syarat permohonan permit sementar bermasa.

Kriteria permohonan.


- a. Waktu perniagaan yang dibenarkan dari jam 7.00 pagi hingga 11.00 pagi (Sesi 1) atau dari jam 11.00 pagi hingga 6.00 petang Sesi 2) atau dari jam 8.00 malam hingga 12.00 tengah malam (waktu malam).
- b. Peniaga hanya dibenarkan menggunakan kanopi yang ditetapkan oleh majlis dan meja lipat bersaiz 8' X 8'.
- c. Peniaga dikehendaki mencadangkan lokasi yang bersesuaian tertakluk kepada kelulusan Majlis.
- d. Permohonan tidak akan dipertimbangkan sekiranya lokasi yang dipohon adalah seperti berikut:-
 - i. Di kawasan tempat letak kereta.
 - ii. Dihadapan atau di kaki lima lot kedai atau komersil.
 - iii. Di tepi jalan utama yang sibuk dengan kenderaan.
 - iv. Berhampiran gerai atau pasar Majlis kurang dari 100 meter.
 - v. Kurang 15 meter dari simpang jalan.
 - vi. Di jalan-jalan protokol, jalan yang mempunyai garisan kuning , kaki lima dan atas pejalan kaki.
 - vii. Tidak dibenarkan di kawasan sekolah
 - viii. Tiada seorangpun pemegang permit boleh menjalankan perniagaan :
 - a) Dalam lingkungan 9 meter dari persimpangan jalan;
 - b) dalam lingkungan 3.6 meter dari pili bomba atau
 - c) di atas tangga, kaki lima atau laluan jalan kaki awam melainkan dibenarkan secara bertulis oleh Pihak Berkuasa Melesen.
- e. Tempoh permit yang diluluskan terhad untuk tempoh 3 bulan sahaja. Selepas daripada tempoh tersebut, pemeriksaan lanjutan hendaklah diadakan bagi memastikan peniaga mematuhi arahan yang telah ditetapkan sebelum pembaharuan dibuat.

Jenis Jualan Dan Kadar Bayaran

KATEGORI A (STRUKTUR KEKAL DAN BUAH-BUAHAN BERMUSIM)						
BIL	KONSEP PERNIAGAAN	KADAR BAYARAN SEMASA	PERINCIAN KADAR BAYARAN	TEMPOH PERMIT	KADAR HARGA BARU	CATATAN
1	Struktur kekal	RM 70.00	Caj proses permit: RM 10.00	1 bulan – 3 bulan	RM 70.00 (sebulan)	Perniagaan berskala besar
2	Buah-buahan bermusim		Caj penyelenggaraan sampah: RM 60.00 (RM2.00x 30 hari) Caj cagaran: RM200.00 (buah bermusim sahaja)			Menghasilkan kuantiti sampah yang banyak- kulit buah-buahan dll. Wang cagaran akan dikembalikan dengan mengisi borang tuntutan cagaran dengan melampirkan gambar lokasi permohonan bersih seperti keadaan asal

KATEGORI B (KHEMAH 8x8, LORI, MOTOR RODA 3)						
BIL	KONSEP PERNIAGAAN	KADAR BAYARAN SEMASA	PERINCIAN KADAR BAYARAN SEMASA	TEMPOH PERMIT	KADAR HARGA BARU	CATATAN
1	Khemah 8x8 kaki (tidak meninggalkan struktur ditapak)	RM 70.00	Caj proses permit: RM 10.00	1 bulan – 3 bulan	RM 40.00 (sebulan)	Perlu mengemukakan gambar terkini dilapangan semasa pembaharuan permit – pemantauan keadaan di tapak
2	Lori (termasuk penjaja bergerak)		Caj penyelenggaraan sampah: RM 60.00 (RM2.00x 30 hari)			
3	Motor roda 3					

Carta Alir Permohonan Permit Sementara (Penjaja) Bermasa



MAKLUMAT PENTING SEBELUM MEMBUAT PERMOHONAN DALAM TALIAN.

Sebelum anda mendaftar untuk kali pertama, pastikan anda mempunyai maklumat berikut :

1. Salinan Kad Pengenalan
2. Alamat emel
3. Gambar berwarna berukuran passport. (2 kepi 2. Salinan kad pengenalan pemohon
3. Salinan bil utiliti terkini (Bil elektrik, bil air).
4. Salinan no. akaun bank pemohon (akaun bank aktif sahaja).
5. Maklumat pasangan. Salinan Sijil nikah (sekiranya sudah berkahwin). Salinan surat cerai (sekiranya sudah bercerai). Salinan surat kematian (sekiranya pasangan telah meninggal dunia).


Maklumat Permit sementara bermasa/ Permit sementara lain - lain.

6. Pelan lokasi tapak. (Peta Google)
7. Gambar berwarna pandangan hadapan tapak , dan pandangan sisi.

Maklumat lain.


8. Surat doktor (sekiranya mengalami masalah kesihatan).
9. Salinan kompaun Jab. Perkhidmatan Kesihatan atau Jab. Penguatkuasaan (sekiranya ada)

LANGKAH 1 : DAFTAR PENGGUNA DI SISTEM elesen.mbpj.gov.my



The screenshot shows the registration page for eLesen MBPJ. At the top, there is the MBPJ logo and the text "eLesen MBPJ | Daftar". Below this, a heading reads "Masukkan maklumat anda untuk mendaftar". There are five radio button options: "MyKad" (selected), "No Tentera", "No Polis", "No Passport", and "No MYPR". Below these are four input fields: "No MyKad" (with a dropdown arrow), "Emel" (with an email icon), "Kata Laluan" (with a lock icon), and "Sahkan Kata Laluan" (with a lock icon). A small note below the email field states: "* Pengaktifan akaun akan dihantar melalui emel ini. Sila semak INBOX atau SPAM." At the bottom of the form area, it says "Profil Pemohon".

LANGKAH 2: LAKUKAN PERMOHONAN (KLIK HALAMAN UTAMA)



LANGKAH 3: ISI BORANG PERMIT SEMENTARA BERMASA

Halaman Utama Selamat Tengahari, IZHAR BIN JUYAHIR

Cari Borang

Semua BERISIKO KRITIKAL SERTA-MERTA PENJAJA SMART TRAK IKLAN

SEARCH: [BERMASA]

1. Search kata kunci bermasa' Bermasa'

PENJAJA - PERMIT SEMENTARA PENJAJA
- PERMIT SEMENTARA BERMASA

2. Klik Isi Borang

1. PERMIT PENJAJA SEMENTARA BERMASA *PERMIT PENJAJA SEMENTARA BERMASA BULANAN*

Isi Borang

elesen.mbpj.gov.my/application/new/243/737/20058#butiran_permit_sementara_penjaja

Sila isikan maklumat yang diperlukan dengan lengkap

Butiran Permit Sementara Penjaja

JENIS JUALAN
THIS FIELD IS REQUIRED.

STATUS TAPAK

- TANAH KERAJAAN
- TANAH PERSENDIRIAN
- KEDIAMAN BERSTRATA
- HADAPAN RUMAH ATAS TANAH
- LAIN-LAIN

*SILA LAMPIRKAN SURAT KEBENARAN TUAN PUNYA TANAH (BAGI TAPAK PERSENDIRIAN) DAN SURAT KEBENARAN DARI JMB BAGI KEDIAMAN BERSTRATA

LOKASI TAPAK PERNIAGAAN
THIS FIELD IS REQUIRED.

KOORDINAT

Latitud :
Longitud :

ALAMAT TEMPAT MAKANAN DISEDIAKAN

THIS FIELD IS REQUIRED.

THIS FIELD IS REQUIRED.

LANGKAH 4: MUAT NAIK DOKUMEN.

Dokumen hendaklah dalam bentuk .pdf tidak melebihi 5 MB atau .peg / .png tidak melebihi 2Mb

eselen.mbjp.gov.my/application/new/243/737/20058#dokumen

Dokumen Penjaja

GAMBAR LOKASI BERWARNA PANDANGAN HADAPAN TAPAK, DAN PANDANGAN SI-SI BAGI PERMOHONAN PERMIT / PERMIT BERMAASA

No Document

Choose File NO FILE CHOSEN

GAMBAR BERWARNA BERUKURAN PA SPORT

No Document

Choose File NO FILE CHOSEN
THIS FIELD IS REQUIRED.

MAKLUMAT PENDAFTARAN SSM (PEMLIKAN TUNGGAL) (DIPERLUKAN SEKIRANYA BERJAJA TEMUDUGA SAHAJA)

No Document

Choose File NO FILE CHOSEN

PELAN LOKASI BAGI PERMOHONAN PERMIT / PERMIT BERMAASA (PETA GOOGLE)

No Document

Choose File NO FILE CHOSEN

SALINAN KAD PENGENALAN

No Document

Choose File NO FILE CHOSEN
THIS FIELD IS REQUIRED.

SALINAN SIJIL NIKAH (SEKIRANYA SUDAH BERKAHWIN)

No Document

Choose File NO FILE CHOSEN

SALINAN BIL ELEKTRIK ATAU BIL AIR YANG TERKINI

No Document

Choose File NO FILE CHOSEN
THIS FIELD IS REQUIRED.

SALINAN KOMPONEN JAB. PERKHIDMATAN KESEHATAN ATAU JAB. PENGUATKUASAAN (SEKIRANYA ADA)

No Document

Choose File NO FILE CHOSEN

SALINAN NO. AKAUN BANK PEMOHON (AKAUN BANK AKTIF SAHAJA)

No Document

Choose File NO FILE CHOSEN
THIS FIELD IS REQUIRED.

SALINAN SI-SI RATA / CERAI / SEMBANYA SI-SI RATA BERSEKALI

LANGKAH 5 : GUNAKAN SLIP AKUAN PENERIMAAN BAGI RUJUKAN STATUS PERMOHONAN

82201_418_P01

https://eselen.mbjp.gov.my/portal/portal_pemohonan/57608

SLIP AKUAN PENERIMAAN PERMOHONAN

SLIP PENERIMAAN BORANG PERMOHONAN LELAKI PERMIT SEMENTARA BERMAASA BUKAN TAJUAN

Permohonan anda telah diterima oleh sistem. Jabatan Pelantikan akan memeriksa dokumen yang dipaparkan. Tarikh penerimaan akan diisytiharkan sekiranya ia yang dipaparkan mempunyai kekurangan. Peringatan ini adalah untuk makluman sahaja, sila pastikan maklumat yang dimasukkan adalah betul dan disahkan.

- Slip ini bukan dokumen keaja yang sah untuk menunjukkan perijinan.
- Sila pastikan bahawa ia benar-benar sah sebelum dipaparkan.
- Status permohonan akan dibekalkan semula oleh dalam tempoh 24 jam bekerja. Sekiranya tidak maklumlah, hubungi kami dalam tempoh tersebut, atau hubungi pegawai seperti ditunjukkan atas email ke eselen@mbj.gov.my.

Maklumat Pendaftaran

Nama Pemohonan	PERMIT PENJAJA SEMENTARA BERMAASA - PERMIT SEMENTARA PENJAJA BERMAASA
Nama Pemohon	IZHAR BIN RIZAHAR
Nama Syarikat	-
Lokasi	JALAN YONGE BLOK L1N
Tarikh Hantar Permohonan	22 Jun 2023 03:56:49
Nombor Permohonan	SLT37008670439
Nama Kelengkapan perlu dilampirkan	-SAMB. TEL. (B) : 037941500 -AEDAH (SAMB. TEL. (A) : 037960467 -PANG. GABAR. TEL. (1) : 037960467
URL untuk diuji	https://eselen.mbjp.gov.my/track/track-permohonan/5760819
Langkah terbah perincian tempoh	3 minggu selepas tarikh permohonan lengkap
Langkah seterusnya	3 minggu selepas tarikh permohonan lengkap

Ini adalah contoh komputer. Pendaftaran tidak diperlukan.

https://eselen.mbjp.gov.my/portal/portal_pemohonan/57608

SYARAT SELEPAS PERMIT DIKELUARKAN

- a. Perniagaan hanya dibenarkan pada waktu yang diluluskan seperti yang tercatat di permit sahaja.
- b. Hanya jenis jualan yang diluluskan dan tercatat di dalam permit sahaja dibenarkan. Jualan hanya secara bungkus dan bawapulang sahaja.
- c. Perniagaan hendaklah dijalankan oleh pemegang permit sendiri di petak dan kawasan yang ditetapkan sahaja.
- d. Mengawasi kenderaan pengunjung supaya tidak membuat halangan lalulintas.
- e. Tidak dibenarkan untuk meletakkan kerusi meja kepada pengunjung.
- f. Tidak dibenarkan meninggalkan apa-apa barang niaga di lokasi yang ditetapkan.
- g. Tidak dibenarkan mendirikan apa-apa struktur binaan di tapak perniagaan.
- h. Hendaklah mempamerkan tanda harga bagi barangan yang dijual.
- i. Permit berniaga hendaklah sentiasa dipamerkan untuk pemeriksaan.
- j. Pegawai Majlis yang diberi kuasa berhak mengarahkan peniaga untuk diperiksa dan mematuhi arahan-arahan yang dikeluarkan.
- k. Sekiranya Majlis mendapat aduan atau mendapati lokasi berkenaan tidak sesuai, Majlis berhak menarik balik permit ini dan membatalkannya.

Syarat– syarat kesihatan dan kebersihan diri.

- a. Pemegang permit diwajibkan mengambil suntikan Typhoid (demam kepialu) dengan mengemukakan surat/ kad pengenalan pengambilan TY2 dari klinik.
- b. Semua peniaga diwajibkan memakai apron dan topi yang bersih setiap masa berniaga.
- c. Tidak dibenarkan memakai baju yang tidak berlungan dan pakaian hendaklah sentiasa bersih dan kemas.

Syarat– syarat kebersihan makanan.

- a. Hendaklah menyediakan penutup makanan yang sesuai untuk menutup makanan.
- b. Tidak dibenarkan merokok ketika menyediakan makanan.
- c. Diwajibkan memakai sarung tangan dan menyediakan penyepit atau sudu bagi mengambil makanan.
- d. Keadaan meja dan payung hendaklah sentiasa dalam keadaan bersih.

Syarat– syarat kebersihan keliling

- a. Dikehendaki mengadakan tong sampah/karung plastik yang sesuai dan sempurna.
- b. Sentiasa menjaga kebersihan kawasan/petak niaga semasa dan selepas waktu berniaga.
- c. Tidak dibenarkan membuang sampah merata-rata.
- d. Tidak boleh menyebabkan apa-apa habuk asap, wap, haba gas yang boleh mencemarkan udara.
- e. Tidak boleh membuat atau menyebabkan bising atau kacau ganggu.

Syarat– syarat kebersihan keliling

- a. Sekiranya didapati penjaja melanggar mana-mana syarat di atas, permit yang dikeluarkan boleh dibatalkan serta-merta dan tindakan undang-undang akan diambil terhadap peniaga

SOALAN LAZIM (F.A.Q)

1. Bagaimanakah saya ingin mengetahui status permohonan saya?

Jawapan

:

Status permohonan ini boleh dilihat menerusi cara berikut :-

1. Tab semakan status pada sistem elesen.mbpj.gov.my
2. Imbas kod QR pada slip akuan penerimaan
3. Panggilan telefon seperti yang tercatat pada slip penerimaan

2. Bagaimanakah saya ingin tahu bahawa permohonan saya berjaya atau tidak?

Jawapan:

Pemohon akan dimaklumkan keputusan permohonan malalui surat yang akan dipos ke alamat tempat tinggal pemohon.

3. Bagaimanakah saya boleh mengetahui sebab permohonan permit saya ditolak?

Jawapan:

Semakan boleh dibuat menerusi menu semakan status pemohon di elesen.mbpj.gov.my

4. Sekiranya saya terlewat memperbaharui permit adakah terdapat sebarang caj denda lewat dan berapa lamakah tempoh sebelum permit saya dibatalkan?

Jawapan:

Caj permit akan dikenakan untuk tempoh yang tidak diperbaharui manakala Permit yang tidak diperbaharui melebihi tempoh satu tahun akan dibatalkan.

5. Bolehkah pertukaran hak milik permit sementara bermasa dilakukan?

Jawapan:

Tidak dibenarkan, pemohon perlu membuat permohonan baru dan tertakluk kepada kelulusan.

SEKIRANYA ANDA MASIH MEMPUNYAI PERTANYAAN BERKAITAN PERMIT SEMENTARA BERMASA PENJAJA SILA HUBUNGI PEGAWAI BERIKUT :

No. Telefon : 0379604667, 0379566922, 0379563231, 0379609026, 0379541560, 0379558117,
0379541548

Jawatan	Sambungan Telefon
Pengurus Unit Smart Trak / Permit	119
Pembantu Tadbir Kanan	123
Pembantu Tadbir 1	148
Pembantu Tadbir 2	147

SEKIRANYA ANDA MEMPUNYAI MASALAH TEKNIKAL LOG MASUK / DAFTAR SISTEM ELESEN, SILA HUBUNGI UNIT KHIDMAT PELANGGAN SMARTLESEN MELALUI SALURAN BERIKUT:

TELEFON : 0379604667 samb. 131

EMEL : smartlesen@mbpj.gov.my

WHATSAPP : <https://wa.me/60139410146>

TELEGRAM : <https://t.me/elesenmbpj>

Disediakan oleh :

Jabatan Pelesenan Pembangunan Perniagaan Dan Usahawan
Majlis Bandaraya Petaling Jaya
Tarikh kemaskini : 15 Januari 2024